

19/01/1997

Malaysia teliti dulu ITA

Mustapha Omar in Santa Clara

SANTA CLARA: Malaysia akan hanya menandatangani Perjanjian Teknologi Maklumat (ITA) pada Julai ini, jika kerajaan berpuas hati ia tidak merugikan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia mempunyai sedikit keraguan terhadap ITA dan mahu perkara itu dikaji terlebih dulu sebelum bersetuju menyertainya.

"Kita perlu diberi masa secukupnya untuk mengkaji ITA dan jika ia didapati tidak menimbulkan kesan buruk kepada negara, kita akan menandatangani perjanjian itu," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas mengadakan pertemuan dengan sekumpulan eksekutif kanan syarikat berteknologi tinggi di Lembah Silikon, di sini semalam.

Mesyuarat itu adalah sebahagian daripada program mempromosikan Koridor Raya Multimedia (MSC) kepada pelabur Amerika Syarikat. Hari ini, Perdana Menteri akan berlepas ke Tokyo untuk tujuan sama.

ITA yang dirancang oleh Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah (EU), bertujuan mengurangkan tarif barangan teknologi maklumat kepada sifar menjelang tahun 2000.

Pada mesyuarat peringkat menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Singapura, Disember lalu, 28 negara yang mewakili 85 peratus daripada negara yang bergiat dalam perdagangan ITA, mengesahkan menerimanya.

Bagaimanapun, Malaysia mahu diberikan masa untuk meneliti jenis barangan teknologi maklumat yang hendak dihapuskan duti.

Ditanya apakah tindakan Malaysia itu boleh menghalang kejayaan MSC, Dr Mahathir berkata sama ada kerajaan bersetuju atau tidak dengan perjanjian berkenaan, ia tidak akan menjejaskan MSC.

"Cadangan MSC sudah mendapat sokongan pelbagai pihak dan melalui pelbagai insentif yang ditawarkan, termasuk membenarkan import tanpa had peralatan teknologi maklumat yang digunakan di MSC, soal ITA tidak timbul," katanya.

Perdana Menteri berkata, usaha mendapatkan sokongan terhadap ITA lebih kepada kepentingan tertentu beberapa negara maju yang mahu mencari pasaran baru bagi barangan teknologi maklumat mereka.

"Sememangnya, jika boleh mereka mahu kita buka seluruh pasaran kita, tetapi kita mempunyai pendirian berbeza, begitu juga dengan matlamat MSC," katanya.

Sementara itu, dalam ucapannya Dr Mahathir mengajak usahawan yang terbabit dengan industri teknologi maklumat di Lembah Silikon, membabitkan diri dalam kegiatan yang ditawarkan menerusi MSC.

Menurutnya, mereka boleh mengikuti program itu dengan menempatkan kegiatan mereka di bandar Cyberjaya dan menyertai salah satu daripada tujuh aplikasi yang ditawarkan.

Beliau berkata, tujuh aplikasi berkenaan termasuk kerajaan elektronik, sekolah bistari dan pendidikan jarak jauh, teleperubatan, kad pintar, pemasaran tanpa had dan jaringan perkilangan sedunia.

"Cyberjaya memiliki semua aplikasi ini dan terpulang kepada anda untuk memilih yang mana sesuai," katanya.

Menjawab soalan peserta dalam dialog selepas itu, Perdana Menteri memberi jaminan bahawa undang-undang siber yang diperkenalkan kelak akan kekal selamanya dan jika ada perubahan sekalipun, ia hanyalah kecil bagi menyesuaikan dengan perubahan dalam teknologi semasa.

(END)